

JEKUN TAMAN

REVOLUSI TAMAN ZAMAN SILAM

Berubah mengikut pembinaan untuk kemudahan awam, mengawal pembangunan fizikal



LANDSKAP menjadi aset penting dalam sesuatu pembangunan.

FOTO ARKIB NSTP

FOKUS

Oleh Nor 'Asyikin Mat Hayin
asyikin.mat@hmetro.com.my

Taman pada asasnya bermaksud kawasan perlindungan yang indah, selamat dan menyeronokkan. Sebab itu, taman sering dikaitkan dengan tempat menarik, selesa serta menenangkan.

Landscape pada asasnya adalah tafsiran persekitaran di atas permukaan bumi meliputi aspek fizikal yang boleh dilihat dan dialami (dirasai) di dalamnya.

Landscape menggabungkan unsur semula jadi dan buatan manusia. Ia terbentuk melalui proses semula jadi lahir kejadian alam serta aktiviti manusia dalam membangunkan kawasan untuk kehidupan.

Pensyarah Kanan Fakulti Rekabentuk dan Senibina, Universiti Putra Malaysia (UPM) LAr Ts Abd Aziz Othman berkata, perkembangan seni bina landscape bermula dari seni bina taman.

Menurutnya, pembangunan taman awal mula dikesan sejak sebelum masih walaupun tanpa rekod yang sah.

"Taman ini berbentuk geometri mudah dipisahkan oleh sistem air (pengairan) yang membentuk blok-blok penanaman khususnya spesies buah-buahan, sayur-sayuran dan ubat-ubatan.

"The Hanging Garden of Babylon" adalah satu contoh taman awal yang dikesan.

"Ketika era kegemilangan Islam, taman juga berkembang bersama bidang ilmu yang lain.

"Karakter taman Parsi yang lebih tertutup dengan tembok dan tanaman pengadang menjadikan imej kepada taman Islam. 'The Generalife and Alhambra' di Granada adalah contoh taman Islam yang nyata," katanya.

Beliau berkata, kemuncak kegemilangan seni bina taman berlaku di Eropah pada kurun ke-16. Taman Formal Renaissance di Itali dan Perancis menonjolkan seni serta seni bina taman seperti pembentukan tumbuhan topiar, 'parterre,' 'hedges,' 'espalier' dan sebagainya.

"The Versailles" adalah contoh taman formal Perancis dibina Andre Le Notre ketika pemerintahan Raja Louis XIV, masih dipelihara hingga kini walaupun mengalami perubahan zaman.

> 34

DARI MUKA 33

"Pada kurun ke-18, satu revolusi reka bentuk taman tidak formal (semula jadi) berlaku di England. Revolusi ini mengubah taman formal di England kepada taman yang lebih bersifat semula jadi. Taman-taman tidak formal ini digelar sebagai The Romantic English Garden.

"Taman-taman ini lebih bebas, terbuka dan bersifat semula jadi tanpa tembok serta barisan tumbuhan pagaran nyata mahupun tanaman dibentuk khusus (topiari).

"Bagaimanapun, semua taman yang dibina pada masa itu dan sebelumnya adalah khusus di kawasan istana dan vila pembesar negara," katanya.

Abd Aziz berkata, taman romantik Inggeris menjadi ikutan dan inspirasi kepada reka bentuk taman moden sehingga hari ini.

Katanya lagi, penerimaan itu juga dipengaruhi reka bentuk taman Nusantara yang lebih



Sebahagian landscape semula jadi yang mempunyai sumber dan nilai luar biasa diwartakan sebagai taman negara

ABD AZIZ

TAMAN ialah kawasan perlindungan yang indah, selamat dan menyeronokkan.

bersifat semula jadi serta taman oriental dari timur seperti China dan Jepun.

"Pada kurun ke-19 ketika revolusi perindustrian, taman sebagai tempat yang eksklusif dikembangkan untuk kemudahan awam dan mengawal pembangunan fizikal.

"Garden City Concept mula diperkenalkan Ebenezer Howard untuk pembangunan satu bandar baru di England.

"Taman dilihat dengan lebih menyeluruh iaitu integrasi pembangunan kawasan hijau (kawasan hijau bandar dan kawasan pertanian) serta pembangunan fizikal (kawasan perumahan, industri juga infrastruktur).

"Pada kurun yang

sama, imej taman bandar diperkenalkan dengan pembangunan New York Central Park oleh Frederick Law Olmsted. Beliau mula memperkenalkan seni bina landscape kerana pembangunan taman bandar yang lebih kompleks dan menyeluruh," katanya.

Menurutnya,

kini di abad ke-21, lebih ramai penduduk dunia tinggal di alam bina atau di bandar.

Oleh itu, peranan dan kepentingan taman bandar serta kawasan hijau bandar berkembang kepada keperluan kehidupan sejahtera juga lestari.

"Ia bukan sahaja diwujudkan sebagai satu ruang hijau, tetapi rangkaian dan integrasi kawasan hijau bandar dalam membentuk

LANDSKAP BANDAR UNTUK KEHIDUPAN

Jadi kawasan pembangunan hilang nilai semula jadi, hasilkan kualiti landscape buatan manusia yang pelbagai

DARI MUKA 33


"Pada kurun ke-18, satu revolusi reka bentuk taman tidak formal (semula jadi) berlaku di England. Revolusi ini mengubah taman formal di England kepada taman yang lebih bersifat semula jadi. Taman-taman tidak formal ini digelar sebagai The Romantic English Garden.

"Taman-taman ini lebih bebas, terbuka dan bersifat semula jadi tanpa tembok serta barisan tumbuhan pagaran nyata mahupun tanaman dibentuk khusus (topiari).

"Bagaimanapun, semua taman yang dibina pada masa itu dan sebelumnya adalah khusus di kawasan istana dan vila pembesar negara," katanya.

Abd Aziz berkata, taman romantik Inggeris menjadi ikutan dan inspirasi kepada reka bentuk taman moden sehingga hari ini.

Katanya lagi, penerimaan itu juga dipengaruhi reka bentuk taman Nusantara yang lebih



Sebahagian landscape semula jadi yang mempunyai sumber dan nilai luar biasa diwartakan sebagai taman negara

ABD AZIZ

TAMAN ialah kawasan perlindungan yang indah, selamat dan menyeronokkan.

bersifat semula jadi serta taman oriental dari timur seperti China dan Jepun.

"Pada kurun ke-19 ketika revolusi perindustrian, taman sebagai tempat yang eksklusif dikembangkan untuk kemudahan awam dan mengawal pembangunan fizikal.

"Garden City Concept mula diperkenalkan Ebenezer Howard untuk pembangunan satu bandar baru di England.

"Taman dilihat dengan lebih menyeluruh iaitu integrasi pembangunan kawasan hijau (kawasan hijau bandar dan kawasan pertanian) serta pembangunan fizikal (kawasan perumahan, industri juga infrastruktur).

"Pada kurun yang

sama, imej taman bandar diperkenalkan dengan pembangunan New York Central Park oleh Frederick Law Olmsted. Beliau mula memperkenalkan seni bina landscape kerana pembangunan taman bandar yang lebih kompleks dan menyeluruh," katanya.

Menurutnya,

kini di abad ke-21, lebih ramai penduduk dunia tinggal di alam bina atau di bandar.

Oleh itu, peranan dan kepentingan taman bandar serta kawasan hijau bandar berkembang kepada keperluan kehidupan sejahtera juga lestari.

"Ia bukan sahaja diwujudkan sebagai satu ruang hijau, tetapi rangkaian dan integrasi kawasan hijau bandar dalam membentuk



TAMAN bandar adalah nilai dan sumber semula jadi yang penting dalam landscape bandar.

sebagainya.

"Malah landscape semula jadi adalah kawasan terpelihara yang belum dimusnahkan oleh pembangunan atau dilakukan pembangunan secara minimum tanpa mengubah nilai dan ciri-ciri semula jadinya," katanya.

Tambahnya, kawasan hutan semula jadi, padang pasir, padang rumput (savanna), pegunungan dan sebagainya adalah landscape semula jadi.

"Sebahagian landscape semula jadi yang mempunyai sumber dan nilai luar biasa diwartakan sebagai taman negara.

"Landscape hasil aktiviti manusia adalah kawasan pembangunan untuk tujuan kehidupan," katanya.

Sementara itu katanya, landscape desa secara amnya ialah kawasan perkampungan yang dikelilingi tanah pertanian untuk aktiviti ekonomi setempat.

"Taman bandar adalah nilai dan sumber semula jadi yang penting dalam landscape bandar dengan kepelbagaian spesis tanaman landscape, hiasan dan eksotik," katanya.